

PM sangkal dakwaan Mirzan miliki 95 syarikat

KUALA TERENGGANU 26 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menangkis fitnah pembangkang kononnya anak beliau, Mirzan memiliki 95 buah syarikat seperti yang didedahkan dalam organ parti Pas, *Harakah*.

Beliau yang kesal dengan tuduhan itu menjelaskan:

"Anak saya (Mirzan) telah dilantik sebagai pengarah syarikat tetapi ia tidak semestinya menjadi kepunyaan pengarah... sesiapa saja boleh dilantik menjadi pengarah.

"*Harakah* tak pernah cerita benar dan dalam akhbar itu macam-macam fitnah dilemparkan terhadap saya dan bila dekat pilihan raya makin meningkatlah fitnah.

"Mereka juga cari nama-nama syarikat 'milik' anak saya untuk kepentingan undi, nak tunjuk kononnya anak-anak Perdana Menteri kaya-raya," jelas beliau ketika berucap pada majlis pecah tanah pembesaran Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini hari ini.

Tuduhan terhadap Mirzan telah disiarkan dalam organ itu kononnya beliau memiliki 95 buah syarikat dengan menjadi pengarah di setiap syarikat berkenaan.

Pendapatan

Akhbar itu juga menyiarkan jika pendapatan bulanan Mirzan sebanyak RM10,000 bagi sebuah syarikat, maka pendapatan terkumpul bagi semua syarikat terbabit ialah RM950,000 sebulan.

Difahamkan, *Harakah* turut melaporkan bahawa seorang lagi anak lelaki Perdana Menteri, Mukhriz memiliki 80 buah syarikat.

Dr. Mahathir memberitahu, dakwaan terhadap pendapatan anaknya itu Mirzan, adalah tidak benar sama sekali.

"Ini benda tak benar, fitnah yang dilemparkan ini adalah supaya orang benci anak saya dan juga saya sendiri kononnya mengumpul harta untuk keluarga. Dia bukan dapat apa pun cuma dapat sikit saja.

"Tak benar sama sekali... bohong semata-mata. Saya tengok rumah dia (Mirzan) macam orang biasa juga," katanya.

Perdana Menteri juga mengakui beliau sendiri turut menjadi mangsa fitnah pembangkang kononnya ada mengutus surat kepada Perdana Menteri Israel.

"Semua bohong... jelas bohong, kepala surat tak kena.... saya tak pernah hantar surat itu, mereka sengaja mereka cipta. Malah tanda tangan pada surat itu bukan tanda tangan saya," jelasnya.